

**Biografi Tun Dr Siti Hasmah Bakal Difilemkan  
Bernama  
16 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Selepas kejayaan mementaskan teater mengenai kehidupan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, penerbit teater itu kini berhasrat untuk mengangkat kisah hidup isteri Perdana Menteri Malaysia Keempat itu ke layar perak.

Bagaimanapun semua itu hanya akan menjadi kenyataan sekiranya mendapat restu Dr Siti Hasmah sendiri, kata penerbit teater itu Datuk Paduka Khairuddin Abu Hassan.

"Langkah saya seterusnya ialah menerbitkan filem berdasarkan pementasan teater itu. Saya perlu terlebih dahulu mendapatkan persetujuan Tun Dr Siti Hasmah.

"Beliau seorang wanita yang amat merendah diri...seperti untuk pementasan teater ini, saya mengambil masa lebih setahun untuk memujuk dan mendapatkan persetujuannya...saya akan cuba yakinkan beliau untuk membenarkan kami menerbitkan filem mengenai kisah hidupnya," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Istana Budaya di sini.

Khairuddin berkata berdasarkan sambutan hangat terhadap teater "Tun Siti Hasmah - Dari Hati Seorang Wanita", saya pasti sekiranya kisah hidup beliau difilemkan, ia akan memberi inspirasi kepada ramai orang.

Teater itu mula dipentaskan pada Jumaat lepas dan akan berlangsung untuk 10 hari seterusnya sebelum pementasan akhir pada 19 Nov yang akan turut ditonton oleh Dr Siti Hasmah dan suaminya Tun Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709488>